

Malaysia sokong Kod Amalan

25 APR 2002

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Rabu - Malaysia menyokong penuh cadangan mewujudkan Kod Amalan bagi mengendurkan sebarang konflik tercetus di Laut China Selatan berikutan tuntutan bertindih terhadap kepulauan Spratly, khususnya berkaitan tindakan ketenteraan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata China yang turut terbabit dalam tuntutan itu bersama Malaysia, mahukan Kod Amalan yang sedang pada peringkat perbincangan itu diguna pakai.

"Ini penting bagi menjamin Laut China Selatan terus kekal sebagai kawasan aman dan stabil. Kod Amalan ini bagi mengendurkan sebarang potensi yang boleh mencetuskan konflik kerana tuntutan bertindih itu," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan Naib Presiden Republik China. Hu Jintao, diikuti mesyuarat delegasi di pejabatnya di sini, petang ini.

Hu, 60, yang tiba di ibu negara semalam bagi lawatan rasmi empat hari bersama delegasi 65 anggota, atas jemputan Abdullah, sebelum itu turut menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tuntutan bertindih di Kepulauan Spratly membatik Malaysia, Brunei Darussalam, Vietnam, Filipina, China, Indonesia dan Taiwan.

Negara terbabit menuntut hak bagi Kepulauan Spratly dan sekelompok kepulauan kecil dipercayai kaya dengan hasil minyak di Laut China Selatan. Negara berkenaan sudah membincangkan tuntutan

itu secara terbuka dan se-setengahnya dipercayai sudah menghantar bot peronda dan warga negara masing-masing secara rahsia bagi menduduki sesetengah daripada kepulauan berkenaan.

Abdullah berkata, Kod Amalan itu sedang dibincangkan negara berkenaan pada peringkat pegawai untuk diperhalusi kerana ia membabitkan isu sensitif dan akan ditandatangani setelah persetujuan dicapai.

Katanya, buat masa ini persefahaman sudah dicapai di antara negara yang membuat tuntutan iaitu tiada siapa harus mengambil sebarang tindakan di kepulauan berkenaan yang boleh mencetuskan ketegangan," katanya.

Ditanya sama ada Kod Amalan itu juga akan memasukkan perkara larangan terhadap kehadiran tentera dari luar Asia khususnya dari Amerika Syarikat di Laut China Selatan, Abdullah berkata, beliau tidak mahu membuat spekulasi terhadap sesuatu yang belum diputuskan.

Katanya, apa yang penting ialah kod itu perlu bagi mengawal tindakan yang akan diambil oleh negara yang berada di kawasan terbabit terutama berkisar kepada soal tuntutan bertindih di Spratly.

Menyebut hasil perbincangannya dengan Hu, Abdullah berkata, ia terampu kepada usaha memperluaskan hubungan dua hala dalam usaha memperkukuhkannya memandangkan China amat penting bagi pembangunan rantau ini.

Katanya, Malaysia dan China mahu supaya kerjasama perdagangan dipertingkatkan lagi di samping memperluaskan sektor pelaburan serta bidang yang berkaitan dengan sains

dan teknologi selain kebudayaan, pelancongan dan pendidikan.

Dalam bidang pelancongan katanya, jumlah pelancong dari China semakin meningkat dan tahun lalu saja menjangkau 460,000 orang iaitu jumlah tertinggi dan berikutan itu, kedua-dua negara mahu kerjasama diperluaskan dalam sektor penerbangan.

Beliau berkata, bagi tujuan itu juga, Malaysia bersetuju melonggarkan syarat pengeluaran visa kepada pelawat dari China iaitu membolehkan mereka mendapatkannya di pintu masuk.

Abdullah berkata, sebelum ini mereka dikehendaki memohon visa masuk ke Malaysia sebelum memulakan perjalanan tetapi kini, mereka boleh berbuat demikian sebaik tiba di pintu masuk seperti apabila mereka mahu singgah ke negara ini setelah berada di Singapura.

Dalam usaha membanteras keganasan katanya, kedua-dua negara juga bersetuju untuk bertukar-tukar maklumat serta pendaftar.

Selain itu katanya, China juga menimbang permintaan Malaysia supaya membeli lebih banyak minyak sawit dari negara ini.

"Saya juga menjelaskan mengenai hubungan kita dengan Taiwan iaitu hubungan yang berasaskan kepada dagangan semata-mata kerana Malaysia turut berpegang kepada dasar satu China," katanya.

Abdullah juga berkata, Malaysia dan China turut bersetuju supaya forum Asean campur tiga (membabitkan China, Jepun dan Korea) diinstitusikan sebagai forum Kemuncak Asia Timur secara berkekalan.